

SOALAN-SOALAN LAZIM

YAYASAN SIME DARBY- YAYASAN PENERAJU TUNAS POTENSI BURSARY

BAHAGIAN 1 : PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN SIME DARBY-YAYASAN PENERAJU TUNAS POTENSI BURSARY (YSD-TP BURSARY)

- A. PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
- B. INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

BAHAGIAN 2 : PERMOHONAN & SESI PENILAIAN DAN TEMUDUGA

- A. PERMOHONAN
- B. SESI PENILAIAN DAN TEMUDUGA
- C. KEPUTUSAN

BAHAGIAN 1 : YAYASAN SIME DARBY-YAYASAN PENERAJU TUNAS POTENSI BURSARY (YSD-TP BURSARY)

A. PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

1. Apakah pembiayaan pendidikan YSD-TP Bursary?

Program ini merupakan satu program biasiswa untuk pelajar lepasan STPM/ SPM 2017 / diploma / Asasi / Matrikulasi dari keluarga berpendapatan isi rumah di bawah RM 4,000 untuk mengikuti pengajian diploma / ijazah sarjana muda di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Program ini terbuka kepada pelajar-pelajar yang memenuhi syarat dan baki tempoh pengajian tidak melebihi tiga tahun.

2. Adakah program ini terbuka kepada pelajar lepasan SPM?

Ya. Program ini terbuka kepada lepasan SPM yang ingin menyambung pengajian ke DIPLOMA sahaja. Yayasan Peneraju tidak menerima permohonan pelajar lepasan SPM yang menyambung pengajian ke Asasi/Matrikulasi.

3. Berapakah kadar biasiswa yang diperolehi oleh penerima YSD-TP Bursary?

Kadar biasiswa setiap pelajar berbeza mengikut bidang, tempoh dan tempat pengajian. Pelajar yang layak akan mendapat biasiswa yang merangkumi yuran akademik, elaun buku, elaun sara hidup, elaun penginapan dan Program Pemupukan dan Pembangunan Pelajar.

4. Adakah pelajar di bawah tajaan YSD-TP Bursary dikehendaki berkhidmat dengan pihak Yayasan Sime Darby atau Yayasan Peneraju selepas tamat tempoh pengajian?

Tidak. Para penerima biasiswa di bawah program ini tidak terikat untuk berkhidmat di bawah Yayasan Sime Darby atau Yayasan Peneraju atau mana-mana syarikat di bawah Sime Darby.

5. Apakah yang dimaksudkan dengan Program Pemupukan dan Pembangunan Pelajar?

Pembiayaan pendidikan YSD-TP Bursary bukan berbentuk kewangan sahaja, tetapi ianya meliputi Program Pemupukan dan Pembangunan Pelajar atau lebih di kenali sebagai Nurture and Development Programme (NDP). Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan sahsiah diri, kemahiran komunikasi, menerapkan ciri-ciri kepimpinan dan daya saing dalam diri pelajar. Program ini diwajibkan kepada setiap penerima pembiayaan YSD-TP Bursary dan akan diadakan pada cuti semester setahun sekali.

6. Adakah pelajar wajib menghadiri sebarang program yang dianjurkan oleh Yayasan Sime Darby atau Yayasan Peneraju?

Ya. Yayasan Sime Darby dan Yayasan Peneraju melalui rakan program akan memaklumkan pelajar tentang program atau aktiviti yang dianjurkan yang memerlukan kehadiran pelajar. Jika pelajar tidak dapat hadir, surat tunjuk sebab perlu dihantar kepada rakan program Yayasan Peneraju.

7. Adakah saya boleh meneruskan biasiswa lain, pinjaman PTPTN atau lain-lain pinjaman jika saya dimaklumkan sebagai penerima YSD-TP Bursary?

Pelajar wajib menamatkan lain-lain biasiswa atau pinjaman sekiranya telah dimaklumkan sebagai Penerima YSD-TP Bursary. Segala kos penamatan dibiayai oleh pelajar sendiri.

B. INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

1. Adakah pembiayaan pendidikan YSD-TP Bursary hanya menaja pelajar ke IPTA sahaja?

Ya. Penempatan institusi pengajian untuk program ini hanya sah bagi pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sahaja.

2. Adakah saya perlu membuat permohonan sendiri di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)?

Ya. Pihak YSD-TP Bursary tidak bertanggungjawab terhadap penempatan pelajar.

3. Adakah saya layak untuk memohon jika baki pengajian saya melebihi 3 tahun?

Tidak layak. Yayasan Peneraju hanya menerima permohonan pelajar yang mempunyai baki pengajian selama tiga (3) tahun sahaja. Kursus yang mempunyai baki pengajian melebihi daripada tiga (3) tahun atau kurang dari tiga (3) tahun bermula dari tempoh penajaan (Sept 2018) boleh menyebabkan permohonan tidak dapat dipertimbangkan.

4. Adakah Yayasan Peneraju menaja semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia?

Tidak. Yayasan Peneraju hanya menerima permohonan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tertentu sahaja. Pelajar boleh merujuk di SENARAI KURSUS DAN INSTITUSI yang telah dimuatnaik di laman sesawang Yayasan Peneraju.

5. Adakah saya dibenarkan untuk menukar ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) jika saya telah diumumkan sebagai penerima YSD-TP Bursary?

Tidak dibenarkan. Pihak kami akan membatalkan penawaran pelajar serta-merta kerana telah melanggar perjanjian.

BAHAGIAN 2 : SESI PENILAIAN DAN TEMU DUGA

A. PERMOHONAN

1. Bagaimana cara untuk saya memohon pembiayaan pendidikan YSD-TP Bursary?

Pelajar perlu mengisi borang permohonan secara online di laman sesawang Yayasan Peneraju. Permohonan secara manual tidak diterima. Sebarang pertanyaan / masalah teknikal boleh hubungi ke talian 03-27279002 / 03-27279000.

B. SESI PENILAIAN DAN TEMUDUGA

1. Adakah saya perlu membawa alat tulis?

Ya. Anda perlu membawa sekurang-kurangnya sebatang pen untuk dan menulis esei.

2. Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa Sesi Penilaian dan Temuduga?

Dokumen yang perlu dibawa semasa sesi penilaian dan temuduga akan dimaklumkan dalam e-mel sekiranya berjaya dipanggil ke sesi temuduga.

3. Bagaimanakah saya mengetahui bahawa saya dipilih untuk ke Sesi Penilaian dan Temuduga?

Selepas tarikh tutup permohonan, pihak Yayasan Peneraju akan menyenarai pendek senarai nama pemohon-pemohon yang berjaya untuk menghadiri ke sesi penilaian dan temuduga. Makluman akan diberitahu melalui SMS / emel. Sila pastikan nombor telefon adalah betul dan akaun emel adalah aktif.

4. Adakah Ibu Bapa saya boleh hadir ke Sesi Penilaian dan Temuduga?

Hanya salah seorang ibu atau bapa / seorang penjaga sahaja digalakkan untuk hadir ke sesi penilaian dan temuduga sekiranya ibu atau bapa / penjaga anda berminat untuk turut serta mendengar taklimat daripada Yayasan Peneraju kepada pelajar kerana ruang menunggu adalah terhad. Kehadiran ibu bapa / penjaga adalah TIDAK WAJIB.

5. Pakaian semasa Sesi Penilaian dan Temuduga?

Calon dikehendaki untuk berpakaian formal dan sopan.

Lelaki - Seluar panjang dan baju kemeja dan tali leher.

Perempuan – Baju kurung / Blouse dan seluar atau skirt panjang.

Kasut – Bertutup. Selipar dan sandal tidak dibenarkan.

6. Bolehkah saya menangguhkan Sesi Penilaian dan Temuduga?

Penangguhan tertakluk kepada budi bicara Yayasan Peneraju. Calon dikehendaki menghantar emel dengan format surat rasmi dengan menyatakan sebab-sebab penangguhan. Tempat penilaian dan temuduga adalah ditetapkan oleh pihak Yayasan Peneraju.

7. Apakah proses-proses yang perlu dilalui semasa sesi penilaian dan temuduga?

Sesi penilaian dan temuduga mengambil masa separuh hari sahaja. Calon mestilah menjalani ke semua sesi termasuk Sesi taklimat, Menulis esei, Sesi temuduga 1 dan Sesi temuduga 2.

8. Ibu / Bapa / Ibu dan Bapa saya tidak mempunyai sijil kelahiran kerana telah hilang / rosak. Apakah yang harus saya lakukan?

Sekiranya Ibu / Bapa anda tidak mempunyai sijil kelahiran kerana telah hilang / rosak, Ibu / Bapa anda boleh mendapatkan salinan baru atau membuat cabutan di Jabatan Pendaftaran Negara yang terdekat.

9. Saya tidak dapat menyediakan dokumen yang diminta oleh pihak Yayasan Peneraju, apa yang perlu saya lakukan?

Sila sediakan surat / nota maklumat kepada pegawai Yayasan Peneraju mengenai sebab-sebab anda tidak dapat menghantar dokumen yang telah diminta.

C. KEPUTUSAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YAYASAN SIME DARBY-PENERAJU TUNAS POTENSI BURSARY

1. Bilakah keputusan calon yang berjaya mendapat biasiswa YSD – TP Bursary akan diumumkan?

Calon yang berjaya mendapat pembiayaan pendidikan ini akan dimaklumkan secara berperingkat bermula pada awal bulan Julai sehingga pertengahan bulan Ogos. Calon yang tidak menerima sebarang maklumat selepas 6 bulan tarikh temuduga adalah dianggap tidak berjaya dalam program ini. Pihak Yayasan Peneraju berhak menukarkan pelajar untuk ke program lain yang bersesuaian selepas tempoh tersebut.

2. Bagaimanakah calon yang berjaya mendapat biasiswa YSD - TP Bursary akan dimaklumkan?

Calon yang berjaya akan dimaklumkan melalui panggilan telefon dan emel. Diingatkan supaya calon sentiasa memeriksa emel agar tidak terlepas panggilan temuduga daripada Yayasan Peneraju untuk sebarang tawaran.

3. Jika saya terlepas panggilan temuduga daripada Yayasan Peneraju, apa tindakan sewajarnya untuk saya lakukan?

Calon boleh emelkan kepada ysdptp.bursary@yayasanpeneraju.com.my untuk sebarang pertanyaan dan pihak kami akan menghubungi dalam masa yang terdekat.

4. Bagaimana jika saya mahu mengemaskini nombor telefon jika permohonan atas talian telah ditutup?

Pelajar boleh emelkan ke Yayasan Peneraju dan sertakan nombor telefon yang terkini untuk dikemaskini di dalam sistem.

5. Bolehkah saya membuat rayuan?

Tidak. Keputusan pihak Yayasan Peneraju adalah muktamad.